PENDAKWA RAYA

lwn.

ABD. TALIB BIN GHANI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KOTA BHARU
DATO' ARIFIN BIN ZAKARIA PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-4-1990]
27 MEI 1993

DADAH BERBAHAYA: Tuduhan mengedar dadah berbahaya - Tertuduh dipanggil memasukkan pembelaannya - Sama ada anggapan statutori terhadap jagaan dan pengetahuan disangkal - Sama ada pembelaan menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwa - Samada terdapat niat bersama kedua-dua tertuduh di atas pemilikan - Kesan kegagalan memanggil pemberi maklumat - Bila diperlukan memanggil pemberi maklumat - Sama ada pemberi maklumat agent provocateur - Tafsiran s. 40 Akta Dadah Berbahaya 1952.

KETERANGAN: Cabaran kebolehpercayaan keterangan tertuduh - Sama ada percakapan beramaran cacat - Amaran mempunyai koma "... menjawab apa-apa soalan, tetapi apa jua .." - Sama ada dengan adanya koma membawa maksud berbeza - Sama ada penjelasan berkenaan percakapan beramaran membaiki kecacatan - Kegagalan memuaskan Mahkamah percakapan dibuat oleh tertuduh - Kesilapan nombor kad pengenalan - Penggunaan "a.m." dan "p.m." menggantikan "pagi" dan "petang" oleh tertuduh dalam rakaman - Sama ada menimbulkan keraguan mengenai pembuat percakapan - Unsur-unsur penindasan dalam memperolehi percakapan - Sama ada hanya membenarkan pemakaian seluar dalam sahaja semasa dalam lokap unsur penindasan - Sama ada beban bukti dipuaskan oleh pendakwaan berkenaan tiadanya penindasan - Pembelaan - Akibat kegagalan menyoal balas berkenaan sesuatu fakta - Sama ada wujud kesenjengan rangkaian keterangan - Kawalan barangan kes - Tiada keterangan berkenaan timbangan berat dadah oleh polis - Tiada keterangan cara timbangan dibuat.

Kedua-dua tertuduh dituduh mengedar "cannabis" dibawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Keduanya ditangkap secara serang hendap menggunakan ejen perangkap dengan bantuan maklumat yang telah diberi oleh seorang pemberi maklumat. Pemberi maklumat tersebut yang mengajakkan kedua tertuduh ke tempat perangkap telah tidak dipanggil untuk memberi keterangan.

a Pembelaan telah di panggil dan pendakwaan telah cuba mencabar keterangan tertuduh dengan percakapan beramarannya. Pembelaan mencabar kesahihan percakapan beramaran tersebut kerana amaran yang diberi mempunyai koma ditempat sepatutnya tiada koma iaitu di ".. menjawab apa-apa soalan, ..." yang dihujahkan membawa makna berbeza. Pembelaan juga mempertikaikan percakapan tersebut telah dibuat oleh tertuduh dan menghujahkan segala percakapan yang dibuat adalah bukan dengan kerelaan.

b

c Persoalan juga ditimbulkan oleh pembelaan berkenaan timbangan dan kawalan dadah berkenaan dimana tiada keterangan berkenaan siapa dan cara timbangan dibuat serta sama ada timbangan termasuk barangan selainnya seperti tali rafia, surat khabar dan pencucuk buluh yang mengikat dadah berkenaan.

d

Diputuskan:

e **[1]** Walaupun semasa penangkapan hanya tertuduh kedua memegang beg yang mengandungi dadah terdapat keterangan yang membuktikan niat bersama pemilikan dadah berkenaan.

f **[2]** Dari keterangan kes didapati bahawa pemberi maklumat berkenaan bukanlah seorang pemberi maklumat menurut s. 40 Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana beliau telah memainkan peranan yang lebih merupakan *agent provocateur*. Walau tanpa keterangannya, pendakwaan mengemukakan cukup keterangan bagi kes *prima facie*.

g **[3]** Percakapan beramaran tertuduh pertama tidak boleh diterima kerana amaran yang diberikan mempunyai koma di ayat ".. menjawab apa-apa soalan, ..." membawa maksud percakapan itu tidak boleh diterima sebagai keterangan.

h **[4]** Pengakuan penggunaan bahasa dan ayat selain dari digunakan oleh tertuduh dalam rakaman tertuduh juga menimbulkan keraguan tentang kesahihan cakapan dibuat oleh tertuduh.

i **[5]** Faktor waktu rakaman percakapan diambil serta tidak membenarkan tertuduh memakai selain dari seluar dalamnya di lokap merupakan unsur-unsur yang boleh dianggap

sebagai penindasan ke atas tertuduh yang meragukan kerelaan percakapan tertuduh yang telah dibuat.

[6] Ketiadaan keterangan berkenaan siapakah yang telah menimbangkan berat dadah yang berkenaan serta cara timbangan dibuat menimbulkan kesenjangan yang serius didalam rangkaian keterangan pendakwaan.

[7] Walaupun pembelaan dipanggil, pihak pembelaan boleh membangkitkan soal dasar sama ada pendakwaan telah membuktikan kes dengan sepenuhnya menurut undang-undang. Di atas keseluruhan pembelaan didapati pendakwaan telah gagal membuktikan kesnya melampaui sebarang keraguan yang munasabah.

[Kedua-dua tertuduh dibebaskan dan dilepaskan].

Kes-kes yang dirujuk:

Munusamy lwn. PP [1987] CLJ 250 / [1987] 1 MLJ 492 ***(dirujuk)***
Namasiyam & Ors. lwn. PP [1987] CLJ 540 / [1987] 2 MLJ 336 ***(dirujuk)***
Haw Tua Tau lwn. PP [1981] CLJ 123 / [1981] 2 MLJ 49 ***(dirujuk)***
Ragunathan lwn. PP [1982] CLJ 25 / [1981] 1 MLJ 139 ***(dirujuk)***
Din bin Yahya lwn. PP [1992] 1 CLJ 17 / [1992] 1 MLJ 143 ***(dirujuk)***
P.P. lwn. Ibrahim bin Mastari [1980] 2 MLJ 188 ***(dirujuk)***
Tan Too Kia lwn. PP [1980] 2 MLJ 187 ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin lwn. PP [1981] 1 MLJ 212 ***(dirujuk)***
Teoh Hoe Chye lwn. PP [1987] CLJ 471 / [1987] 1 MLJ 220 ***(dirujuk)***
Mohd Osman bin Pawan lwn. PP [1989] 2 CLJ 388 / [1989] 2 MLJ 110 ***(dirujuk)***
Shamsuddin bin Hassan & Anor lwn. PP [1991] 3 CLJ 2414 ***(dirujuk)***
Yeong Kia Heng lwn. Pendakwa Raya [1992] 1 CLJ 364 ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 37A, proviso (b) 37A(1), 37(d) & (da)(vi), 39B(1), 39B(1)(a), 39B(2) & 40
Kanun Keseksaan, s. 34

Bagi pihak Pendakwa Raya - Amiruddin b. Abd. Rahman TPR
Bagi pihak tertuduh pertama - Wan Jawahir b. Hj. Harun
Bagi pihak tertuduh kedua - Ahmad Faaiz b. Dato' Hj. Ahmad Mahir

ALASAN PENGHAKIMAN

Arifin bin Zakaria PK:

Kedua-dua tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah di atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 2hb Mei, 1989, kira-kira pukul 2.30 petang di dalam kawasan di hadapan rumah No. B 829, Taman Tanah Merah, di dalam Daerah Tanah Merah, di dalam Negeri Kelantan telah didapati dalam milik kamu bersama dadah berbahaya iaitu "cannabis" seberat 383.2 gram untuk tujuan diperedarkan. Oleh yang demikian kamu bersama-sama telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama dengan s. 34 Kanun Keseksaan.

Kes pendakwa boleh diringkaskan sepertimana berikut. Bertindak di atas maklumat, Insp. Chan Soon Lim (SP2) dan anggotanya telah berlepas ke Taman Indah di bandar Tanah Merah. Setelah menunggu selama lebih kurang 20 minit, SP2 telah dimaklumkan oleh salah seorang anggotanya bahawa dua buah motosikal telah melintasi tempat di mana anggota itu sedang berkawal tetapi pemberi maklumat tidak menunjukkan isyarat seperti yang telah dijanjikan. Tidak lama selepas itu motosikal-motosikal itu telah melalui sebatang jalan di Taman Indah di mana SP2 sedang membuat pemerhatian. Mengikut SP2, motosikal "scrambler" berwarna putih yang dinaiki oleh pemberi maklumat dan seorang pembonceng berada di depan dengan diikuti oleh sebuah motosikal jenis Yamaha RXS yang dinaiki oleh seorang lelaki. Kerana tidak ada apa-apa isyarat dari pemberi maklumat kedua-dua motosikal itu dibiarkan lalu tanpa sebarang tindakan diambil.

SP2 kemudiannya memanggil kesemua anggotanya berkumpul di salah sebuah rumah kosong di Taman Indah. Tidak lama kemudian pemberi maklumat telah datang ke tempat SP2. SP2 memberi arahan baru kepada pemberi maklumat iaitu untuk membawa kedua-dua lelaki itu ke sebuah rumah di Taman Tanah Merah di mana Det. Kpl. 50884 Mohd Razin bin Che Mohamad (SP3) akan bertindak sebagai pembeli dadah. SP2 juga mengarahkan tiga orang lagi anggotanya iaitut Konst. Plie a/l Buli, Konst. Ramli bin Mohamad (SP4) dan Konst. Ab.Ghani bin Mohamad untuk bertindak sebagai pasukan menangkap. Rumah yang akan digunakan ialah rumah SP2 sendiri di Taman Tanah Merah.

Pada kira-kira jam 1.00 tengah hari SP2 dan anggotanya telah mengambil tempat masing-masing di Taman Tanah Merah. SP2 dan Konst. Dantho telah mengambil tempat di sebuah pondok kayu di depan rumahnya. Manakala Insp. Beh Eng Lai (SP6) dan Det. Sjn. Ariffin bin Yusoff (SP5) telah mengambil tempat di halaman depan rumah, di sebelah kiri rumah SP2. SP3, SP4 dan dua anggota lain berada di dalam rumah SP2; SP3 berada di ruang tamu dan tiga anggota lain berada di dalam bilik di sebelah ruang tamu. Lain-lain anggota yang terlibat mengambil tempat di sekitar kawasan Taman Tanah Merah.

Pada kira-kira jam 2.30 petang SP2 nampak dua buah motosikal datang dari arah Banggul Jenerih ke arah rumahnya. Kedua-dua motosikal itu adalah sama dengan motosikal yang dilihatnya di Taman Indah pada pagi itu. Pemberi maklumat menaiki motosikal "scrambler" putih berseorangan dan dua orang lagi lelaki menaiki motosikal berwarna merah. Mengikut SP2, kedua-dua lelaki itu adalah sama dengan lelaki yang dilihatnya di Taman Indah.

Kedua-dua motosikal itu kemudiannya berhenti di depan rumah SP2. Pemberi maklumat kelihatan turun dari motosikalnya dan berjalan ke arah kawasan rumah SP2, manakala lelaki yang membonceng motosikal merah (memakai baju "T" biru)(tertuduh pertama) juga kelihatan berjalan ke arah yang sama. Lelaki itu kelihatan membimbit satu beg plastik berwarna biru (P5) di tangan kanannya. Beg (P5) itu disangkutkan pada pintu pagar rumah, di sebelah kanan rumah SP2 dan selepas itu dia berjalan balik ke tempat di mana motosikal merah berada. Pada masa yang sama SP2 nampak pemberi maklumat telah memasuki kawasan halaman rumah SP2, dan SP3 kelihatan keluar dari dalam rumah dan bercakap-cakap dengan pemberi maklumat. Setelah itu pemberi maklumat kelihatan berjalan ke arah pintu pagar dan melambaikan tangannya ke arah kedua-dua lelaki yang berada berhampiran dengan motosikal merah. Kedua-dua lelaki itu pun berjalan ke arah rumah SP2. Setelah kedua-dua lelaki itu berada di halaman rumah SP2 mereka kelihatan bercakap-cakap dengan SP3. Pemberi maklumat telah masuk ke dalam rumah SP2 sebaik sahaja dia memanggil kedua-dua lelaki itu.

Kemudiannya lelaki yang memakai baju kemeja biru (penunggang motosikal merah) (tertuduh kedua) telah kelihatan keluar dari kawasan rumah SP2 dan pergi mengambil beg (P5) yang tersangkut di pintu pagar rumah sebelah dan membawanya kepada SP3. Selepas itu, kelihatan SP3 dan tertuduh kedua duduk mencangkung. Tertuduh pertama pada masa itu, berada berhampiran dengan mereka. Selepas itu SP3 telah masuk ke dalam rumah dan tertuduh kedua pun bangun sambil memegang beg (P5) di tangannya. Tak berapa lama selepas SP3 masuk, tiga orang anggota polis yang berada di dalam rumah SP2 telah menyerbu keluar ke arah kedua-dua tertuduh. Pada masa yang sama juga beberapa anggota polis yang berada di sekitar tempat itu pun berkejar ke situ untuk membantu.

Kedua-dua tertuduh telah berjaya ditangkap. Di dalam pergelutan yang berlaku, semasa penangkapan, beg P5 telah terjatuh ke atas lantai simen. SP4 juga menyatakan bahawa semasa ditangkap tertuduh kedua telah melawan dan cuba melepaskan diri dengan menendang ke arah anggota polis. Tertuduh pertama tidak banyak melawan.

Setelah kedua-dua tertuduh berjaya ditangkap dan digari SP2 mengambil P5 dan memeriksanya. Di bahagian atas sekali didapati satu keratan akhbar berbahasa Cina (P9) dan di bahagian bawahnya pula terdapat satu bungkusan akhbar berbahasa Melayu (P8). SP2 mengeluarkan bungkusan P8 dari P5 dan membukanya. Di dalam P8 didapati daun-daun kering yang disyaki ganja. Terdapat kesemuanya 10 ikatan daun-daun kering dalam bentuk cucuk. Selepas itu SP2 membungkus semula daun-daun kering itu seperti asal dan memasukkannya ke dalam P5.

Sementara itu anggota-anggota lain memeriksa badan kedua-dua tertuduh dan dari pemeriksaan itu diperolehi dua keping kad pengenalan. Selepas itu SP2 mengarahkan anggotanya untuk membawa kedua-dua tertuduh ke balai.

Di sepanjang masa itu P5 senantiasa berada di dalam jagaan SP2. Motosikal WBD 9039 (P12) yang dinaiki oleh tertuduh pertama dan kedua telah dibawa balik ke balai oleh salah seorang anggota polis.

Apabila sampai di balai polis Tanah Merah, SP2 telah membawa kedua-dua tertuduh ke pejabatnya dan di sana SP2 telah membuat pemeriksaan lanjut ke atas P5 dan isi

kandungannya. SP2 juga membuat tandaan-tandaan ke atas P5, P8 dan P9. Selepas itu dibungkusnya semula daun-daun kering itu seperti asal dan memasukkannya ke dalam P5 dan disimpan di dalam kabinet berkunci di pejabatnya.

Kedua-dua tertuduh kemudiannya dimasukkan ke lokap. SP2 seterusnya membuat lapuran polis berhubung dengan tangkapan itu, iaitu Tanah Merah Report 398/89. Selepas itu SP2 menghubungi Insp. Mohd Yazid Idris (SP10), pegawai penyiasat kes ini. Pada kira-kira jam 6.30 petang hari yang sama SP10 telah datang ke pejabat SP2 dan seterusnya telah dimaklumkan tentang kes ini. SP2 juga telah menyerahkan kepada SP10 beg P5 dan isi kandungannya dan barang-barang lain yang telah dirampas daripada kedua-dua tertuduh. SP10 seterusnya membuat pemeriksaan ke atas P5 dan isi kandungannya dan membuat tandaan-tandaan dengan menurunkan tandatangannya dan menulis tarikh ke atas P5, P8 dan P9. Di dalam pemeriksaannya didapati 10 ikatan daun-daun kering yang disyaki ganja di dalam bungkusan P8. Lapan daripada 10 ikatan itu terdiri dari 20 cucuk setiap satu, manakala 2 ikatan lagi terdiri dari 19 cucuk setiap satu. Cucuk-cucuk itu diikat dengan tali rafia warna putih. Jumlah kesemuanya ialah 198 cucuk. Selepas itu SP10 membungkus semula daun-daun kering itu dan menyimpannya di dalam kabinet berkunci di pejabatnya.

Pada 3hb Mei, 1989 SP10 telah merampas daripada kedua-dua tertuduh 2 helai baju yang dipakai oleh mereka iaitu P17 dan P18. Pada kira-kira jam 12.50 tengah hari, hari yang sama, SP10 telah pergi ke rumah SP2 untuk membuat siasatan bersama-sama dengan SP2, SP3 dan Konst. Mohideen bin Hashim (SP8). Di tempat kejadian SP10 telah mengarahkan SP8 mengambil 4 keping gambar - P15A - D. SP10 juga ada membuat rajah kasar sekitar tempat kejadian - P16. Sekembali ke balai, SP10 telah mengarahkan SP8 mengambil gambar barang-barang kes - P19A - C dan gambar motosikal - P12A dan B. Kemudiannya SP10 telah mengarahkan SP8 mendaftarkan barang-barang kes termasuk beg (P5) dan isi kandungannya. Setelah P5 dan isi kandungannya didaftarkan oleh SP8 ianya diserahkan balik kepada SP10 untuk disimpan olehnya. Pada 10hb Mei, 1989 kira-kira jam 8.30 pagi SP10 telah mengeluarkan P5 dan isi kandungannya daripada kabinet untuk dibungkus dan dihantar ke Jabatan Kimia. Sebelum membungkus daun-daun kering itu SP10 telah membuat tandaan-tandaan kepada setiap ikatan dengan sekeping kertas dengan menulis bilangan cucuk-cucuk bagi setiap ikatan itu. Di dalam membungkus kembali daun-daun kering itu SP10 telah menggunakan sehelai akhbar "The New Sunday Times" bertarikh 30hb April 1989 (P7) untuk membungkus sebagai tambahan kepada P8 yang sedia ada. Bungkusan daun-daun kering itu kemudiannya dimasukkan ke dalam P5 dan dibungkus pula dengan kertas warna perang P4. SP10 membuat tandaan-tandaan pada P4 dan selepas itu mengikat dan memeterikannya dengan meteri "PDRM 343". Setelah itu bungkusan P4 itu disimpan di dalam kabinetnya. Pada 18hb Mei, 1989 SP10 telah menyerahkan bungkusan P4 kepada Ahli Kimia, Abdullah Zayawi b. Muda (SP1) di Jabatan Kimia Kuala Terengganu. Pada 19hb September, 1989, SP10 telah menerima balik bungkusan P4 daripada SP1. Setibanya di balai polis Tanah Merah pada kira-kira jam 5.10 petang, pada hari yang sama, SP10 telah menyerahkan bungkusan P4 kepada Kpl. Zainuddin bin Hj. Harun (SP9). Pada kira-kira jam 5.15 petang, pada hari yang sama, SP9 telah menyerahkan P4 kepada SP8 untuk disimpan di dalam setor barang-barang kes. SP8 telah menyimpan bungkusan P4 di dalam setor barang-barang kes sehinggalah ke hari perbicaraan kes ini.

Di dalam keterangannya, SP1 telah mengesahkan bahawa daun-daun kering yang berkenaan adalah "cannabis" seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952. Berat bersihnya ialah 383.20 gram.

Di akhir kes pendakwa Mahkamah perlu menimbang samada terdapat kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh yang menghendaki mereka dipanggil untuk membela diri. Di dalam hubungan ini Mahkamah perlu menimbang kesemua keterangan yang ada bagi menentukan sama ada terdapat "some evidence (not inherently incredible) to prove one or more of the essential ingredients of the offence" sebagaimana yang dipertuduhkan. (Lihat *Munusamy lwn. PP* [1987] 1 MLJ 492).

Kedua-dua tertuduh telah dituduh dengan niat bersama, memiliki dadah "cannabis" dengan tujuan untuk diperedarkan bertentangan

dengan s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta").

Daripada keterangan yang ada di hadapan Mahkamah terdapat keterangan bahawa semasa polis menangkap tertuduh kedua beg P5 yang mengandungi "cannabis" berada di tangannya. Dengan itu bolehlah dirumuskan bahawa terdapat keterangan *prima facie* berkaitan dengan penjagaan atau pengawalan beg P5 oleh tertuduh kedua pada masa yang berkenaan. Keterangan yang ada juga menunjukkan bahawa sebelum daripada kejadian tangkapan itu tertuduh pertama telah dilihat membimbit P5 di atas motosikal dan setibanya di depan rumah SP2 dia telah menyangkut P5 di pintu pagar rumah sebelah. Ini menunjukkan bahawa, *prima facie*, tertuduh pertama juga tidak lama sebelum tangkapan, mempunyai penjagaan atau pengawalan ke atas P5. Daripada keterangan-keterangan di atas bolehlah dirumuskan bahawa kedua-dua tertuduh mempunyai penjagaan atau pengawalan bersama ke atas P5 pada masa yang berkenaan atau terdapatnya niat bersama kedua-dua tertuduh untuk memiliki "cannabis" itu.

Undang-undang berkaitan dengan niat bersama di negara kita adalah seperti yang diperuntukkan di dalam s. 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan -

> When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.

Di dalam kes *Namasiyam & Ors lwn. P.P.* [1987] 2 MLJ 336, Mahkamah Agung di dalam penghakiman yang disampaikan oleh Syed Agil Barakbah (H) menyatakan di m.s. 344.

> In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was
>
> (a) a common intention to commit the very offence of which the Accused persons are sought to be convicted and
> (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.
>
> When the prosecution case rests on circumstancial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the Accused. (The Supreme Court of India on Criminal Law 1950 - 1960 by J.K. Soonavala page 188 to 193).

Di dalam kes *Shamsuddin bin Hassan & Satu lagi lwn. PP* [1991] 3 MLJ 314 Mahkamah Agung menyatakan prinsip yang sama di m.s. 316 sebagaimana berikut -

> ... it is essential that there should be evidence of a common intention, or evidence from which such common intention can properly be inferred, to commit the act actually committed: ...

Berdasarkan prinsip-prinsip di atas saya berpendapat daripada keterangan ikut keadaan, *prima facie*, ternyata wujudnya niat bersama kedua-dua tertuduh untuk memiliki "cannabis" seperti yang dituduh dengan tujuan untuk diperedarkan. Walaupun semasa serbuan dibuat ke atas mereka hanya tertuduh kedua sahaja yang sedang memegang beg P5 tetapi tidak lama sebelum itu tertuduh pertama telah kelihatan mengendali beg itu. Tindakan-tindakan mereka itu jika dilihat bersama dengan kehadiran mereka di Taman Indah dan seterusnya di Taman Tanah Merah jelas menunjukkan ke arah satu kesimpulan sahaja iaitu mereka telah bertindak bersama untuk melakukan kesalahan itu.

Di dalam penghujahan di akhir kes pendakwa, peguambela bagi kedua-dua tertuduh telah membangkitkan beberapa isu, tetapi di peringkat ini saya fikir saya hanya perlu menimbang satu perkara sahaja iaitu tentang kegagalan pendakwa memanggil "pemberi maklumat" untuk memberi keterangan.

Pembela menghujahkan bahawa berdasar kspada keterangan, nampaknya "pemberi maklumat" memainkan peranan yang aktif bukan sahaja di dalam mengatur pertemuan di antara kedua-dua tertuduh dengan SP3 bahkan daripada keterangan SP3, nampaknya beberapa perkara penting telah dikendalikan oleh "pemberi maklumat", umpamanya tidak ada rundingan di antara kedua-dua tertuduh dengan SP3 tentang harga "cannabis" dan juga tentang

jumlah "cannabis" yang hendak dibeli oleh SP3. Oleh kerana tidak ada keterangan dari SP3 berhubung soal-soal itu, maka bolehlah dirumuskan, di dalam keadaan kes ini, bahawa perkara-perkara tersebut telah dikendalikan oleh "pemberi maklumat". Daripada keterangan nampaknya "pemberi maklumat" ini telah memainkan peranan yang lebih daripada apa yang biasa dilakukan oleh seorang pemberi maklumat sehingga membawa kepada tertangkapnya kedua-dua tertuduh. Didalam hubungan ini saya bersetuju dengan pihak pembela. Dengan itu saya memutuskan bahawa "pemberi maklumat" bukanlah seorang "pemberi maklumat" seperti yang dimaksudkan oleh s. 40 Akta, beliau merupakan seorang "agent *provocateur*" seperti yang dihujahkan oleh pihak pembela. Namun begitu saya berpuashati, walaupun tanpa keterangan "agent *provocateur*", terdapat cukup keterangan *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh bahawa, pada masa yang berkenaan, P5 yang mengandungi "cannabis" berada di dalam penjagaan atau kawalan bersama kedua-dua tertuduh dan juga kedua-dua mereka cuba memperedarkan "cannabis" tersebut. Berdasarkan kepada keterangan yang ada saya berpendapat pihak pendakwa telah berjaya membangkitkan anggapan-anggapan di bawah s. 37(d) dan (da)(vi) Akta terhadap kedua-dua tertuduh. Dengan itu saya memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya menimbulkan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh di atas pertuduhan yang dikemukakan berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang dijelaskan di dalam kes *Haw Tua Tau lwn. PP* [1981] 2 MLJ 49 dan *Ragunathan lwn. PP* [1981] 1 MLJ 139.

Ketiga-tiga pilihan telah diterangkan kepada tertuduh pertama dan tertuduh kedua dan mereka telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Semasa tertuduh pertama disoal balas, yang arif TPR telah cuba memasukkan percakapan beramaran tertuduh pertama (ID23) bagi tujuan mencabar kebolehpercayaan tertuduh pertama. Peguambela tertuduh pertama telah membantah atas alasan ID23 tidak diberikan secara sukarela. Berikutan dengan itu satu perbicaraan dalam perbicaraan telah dijalankan.

Perbicaraan dalam Perbicaraan

Pertama sekali untuk mengelak daripada pembaziran masa saya telah meminta yang arif TPR membuat tandaan-tandaan di atas

a rakaman percakapan tertuduh pertama menunjukkan tempat-tempat di mana ID23 itu dikatakan bercanggah dengan keterangan yang diberikan oleh tertuduh pertama di Mahkamah. Saya telah meneliti rakaman percakapan seperti yang ditanda oleh yang arif

b TPR dan setelah dibandingkannya dengan keterangan tertuduh pertama saya dapati ada beberapa percanggahan yang agak penting (material) dan boleh terjumlah kepada percanggahan yang boleh menjejas kebolehpercayaan tertuduh pertama. Seterusnya saya memerintahkan satu perbic-

c araan dalam perbicaraan diadakan untuk menentukan samada rakaman percakapan boleh diterima sebagai keterangan bagi tujuan mencabar kebolehpercayaan tertuduh pertama.

Pihak pendakwa telah memanggil 6 orang saksi didalam perbicaraan dalam perbicaraan.

d Pegawai perakam (PDP: SP1) Insp. Razmi bin Hj. Mohd Yunus menyatakan bahawa beliau telah merakam ID23 daripada tertuduh pertama pada 6 Mei, 1989. Pada masa itu, beliau bertugas sebagai pegawai penyiasat di Ibu Pejabat Daerah Polis, Machang, Kelantan. Tertuduh pertama telah dibawa ke pejabatnya oleh Kon. 102448.

e Dantho bin Mustapha Kamal (PDP SP3). Mengikut Insp. Razmi sebelum beliau merakamkan percakapan beramaran beliau membacakan dan menerangkan kepada tertuduh pertama amaran sepertimana berikut-

f Adalah kewajipan saya memberi amaran kepada kamu bahawa kamu tidak dikehendaki berkata apa-apa atau menjawab apa-apa soalan, tapi apa jua yang kamu sebutkan samada dalam menjawab sesuatu soalan, atau tidak boleh diberikan sebagai keterangan.

Pihak peguambela telah menimbulkan isu

g bahawa amaran seperti yang dibacakan oleh Insp. Razmi adalah defektif dan tidak mematuhi kehendak s. 37A Akta. Ini kerana terdapatnya koma selepas sahaja perkataan "soalan"; kerana itu amaran itu boleh membawa maksud bahawa rakaman percakapan itu tidak boleh diberikan sebagai keterangan.

h Setelah meneliti amaran itu saya mendapati walaupun pada keseluruhannya, terjemahan amaran yang dibuat berdasarkan kepada amaran yang terkandung di dalam proviso (b) s. 37A (1) Akta, adalah tidak jauh menyimpang daripada peruntukan itu tetapi kemasukkan koma selepas sahaja perkataan "soalan" boleh

i membawa makna yang berlainan sama sekali. Pada pendapat saya dengan adanya "koma"

selepas perkataan "soalan" maka rangkai kata "atau tidak boleh diberikan sebagai keterangan" boleh dibacakan secara berasingan (disjunctively) daripada rangkai kata sebelumnya dan ini boleh membawa maksud bahawa percakapan itu tidak boleh diberikan sebagai keterangan. Dalam hubungan ini, saya telah dirujuk kepada keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *Din bin Yahya lwn. PP* [1992] 1 MLJ 143. Di dalam kes tersebut koma telah tidak dimasukkan selepas perkataan "tidak", tetapi sebagai gantinya dimasukkan perkataan "maka". Namun begitu Mahkamah Agung memutuskan bahawa amaran yang diberikan di situ memberi kesan yang sama kepada orang yang dituduh. Saya berpendapat kes tersebut boleh dibezakan dari kes ini dari segi faktanya. Di dalam penghakiman Mahkamah Agung yang disampaikan oleh yang arif Eusoff Chin (H) (pada masa itu) di muka surat 145 ada dinyatakan -

> As regards the omission of the second comma after the word "tidak", this does not in our view give rise to two meanings as suggested by En. Karpal Singh. The word "tidak" is followed by the word "maka", and "maka" is always used at the beginning of a clause or phrase so that any one reading the caution has to pause before the word 'maka'. Even without the word "maka", a person reading the caution grammatically would still menifestly be required to pause after the word "tidak" because the words "samada bagi menjawab apa soalan atau tidak" is a clause in the sentence constituting the caution.

Pada pendapat saya di dalam kes di hadapan Mahkamah ini, keadaannya berbeza: di sini soalnya bukan ketiadaan koma tetapi koma telah diletakkan pada tempat yang salah. Pada pendapat saya amaran seperti yang diberikan oleh Insp. Razmi di dalam kes ini boleh membawa kepada lebih daripada satu makna. Berdasarkan hal itu saya memutuskan ianya adalah defektif dari segi undang-undang.

Sebagaimana saya katakan di atas Insp. Razmi menyatakan bahawa selain dari membaca amaran dia juga memberi penjelasan tentang amaran itu kepada tertuduh pertama. Penjelasan yang diberikan adalah seperti berikut:

> Mengikut amaran ini sekira kamu hendak beri percakapan kepada saya maka saya akan rekodkan dan sekiranya kamu mahu berdiam diri itu pun boleh.

Pada pendapat saya penjelasan yang diberikan olehnya juga tidak boleh membantu memperbaiki amaran yang defektif itu. Bahkan penjelasan itu boleh menambah memburukkan lagi defek yang telah sedia ada kerana penjelasan itu sendiri pun nyata tidak lengkap. Ia tidak menyatakan langsung bahawa rakaman percakapan itu boleh digunakan sebagai keterangan. Sebagaimana kata Choor Singh didalam kes *PP lwn. Ibrahim bin Mastari* [1980] 2 MLJ 188 di m.s. 189 -

> ... it is essential that the caution should be correctly explained to him in his own language or in a language which he understands.

Di atas alasan-alasan itu sudah cukup bagi saya memutuskan bahawa percakapan beramaran ID23 tidak boleh diterima sebagai keterangan.

Selain dari itu, tertuduh pertama di dalam keterangannya menafikan bahawa semua percakapan itu datangnya dari dia sendiri walaupun dia mengakui bahawa dia menandatangani setiap helai rakaman percakapan itu. Subseksyen (1) s. 37A Akta dan proviso (b) kepada subseksyen itu merujuk kepada "statement made by such person". Dengan itu saya berpendapat Mahkamah adalah berhak, bahkan bertanggungjawab, untuk menentukan bahawa kenyataan beramaran yang cuba dikemukakan itu sebenarnya datang dari tertuduh sendiri. Jika tidak, percakapan itu tidak boleh dikatakan dibuat oleh orang itu. Ini boleh dilakukan dengan meneliti keseluruhan rakaman tersebut dan menilainya berdasarkan kepada latar belakang tertuduh dari segi bahasa atau loghatnya dan mungkin juga latarbelakang pendidikannya. Sebagaimana pernah dikatakan oleh yang arif Suffian KHN (pada masa itu) di dalam *Tan Too Kia lwn. PP* [1980] 2 MLJ 187 di m.s. 188 -

> In most cases a suspect is not being asked about concepts and abstract ideas, to express which he needs to be questioned and to speak in a language he is most at home in; but about events and concrete things. About these he may be questioned and is expected to give his version only in the language of the kind ordinarily used in the bazaar.

Pembela telah membangkitkan beberapa perkara yang menunjukkan bahawa ID23 tidak datang dari tertuduh pertama, diantaranya -

(i) kesilapan nombor kad pengenalan di muka surat pertama ID23;

(ii) ayat di muka surat 3 baris 17 ID23 yang berbunyi "saya kemudiannya mengambil motosikal jenis Yamaha RXS warna merah nombor WBD 9039 kepunyaan saya ..."; dan

(iii) perkataan "jam lebih kurang 11.00 am" di muka surat 1 dan "jam lebih kurang 2.30 pm" di muka surat 3.

Di muka surat pertama ID23, nombor kad pengenalan telah ditulis sebagai "A 1041970" dan nombor yang sama juga terdapat di atas kertas pertuduhan yang dikemukakan di Mahkamah ini. Nombor kad pengenalan tertuduh pertama telah kemudiannya dipinda atas permohonan Timbalan Pendakwa Raya semasa perbicaraan kes ini. Nombor kad pengenalan tertuduh pertama yang betul ialah A 1241970. Insp. Razmi apabila ditanya dari mana dia mendapat nombor kad pengenalan tertuduh pertama katanya dari dia sendiri. Dia kelihatan terperanjat apabila diberitahu nombor itu adalah salah. Memandangkan kesilapan pada nombor kad adalah sama dengan kesilapan di atas kertas pertuduhan tidak mungkin nombor itu telah diberikan oleh tertuduh pertama kepada Insp. Razmi. Di sini timbul was-was tentang sumber sebenar ID23; adakah dari tertuduh pertama semata-mata atau dari orang ketiga atau adunan di antara kedua-dua sumber itu. Begitu juga dengan ayat yang terdapat di muka surat 3 baris 17 ID23; adakah ia sesuatu yang datang dari tertuduh pertama. Pada pendapat saya jarang sekali bagi seseorang untuk menceritakan tentang jenis dan nombor kenderaannya di dalam menyatakan bagaimana dia pergi ke sesuatu tempat. Begitu juga dengan ayat-ayat "jam lebih kurang 11.00 am" dan "jam lebih kurang 2.30 pm" tidak mungkin datang dari tertuduh pertama.

Apabila disoal balas tentang pengunaan "am" dan "pm" Insp. Razmi mengaku bahawa beliau yang meringkaskannya dari pada perkataan "pagi" dan "petang" yang digunakan oleh tertuduh pertama. Tetapi sebelum itu dia mengatakan semua kenyataan di dalam ID23 datang dari tertuduh pertama. Di atas alasan di atas saya memutuskan bahawa adalah susah untuk Mahkamah menerima bahawa ID23 datangnya dari tertuduh pertama semata-mata, dengan itu saya tidak dapat menerimanya sebagai "statement made by such a person" sebagaimana yang dikehendaki oleh s. 37A Akta.

a Berhubung dengan hujah pembela bahawa terdapat unsur-unsur penindasan dan penekanan (oppression) di dalam perakaman ID23, Mahkamah perlu melihat fakta-fakta yang terdapat di dalam sesuatu kes itu. Di dalam keterangannya tertuduh pertama menyatakan bahawa semasa di dalam lokap dia hanya dibenarkan memakai seluar dalam sahaja. Semasa berbuka puasa pula dia hanya diberikan kueh dan air, dan makan malam diberikan pada jam 10 malam. Pada lebih kurang jam 3 pagi dia diberikan makan sahur. Keterangan ini tidak disangkal langsung oleh pihak pendakwa. Selain dari itu dia telah dikeluarkan beberapa kali dari lokap. Pada 3 haribulan untuk tujuan reman dan mengambil gambar dan pada 4 haribulan dia telah dibawa ke sebuah bilik dan seterusnya telah disoal siasat oleh dua orang anggota polis. Katanya anggota-anggota polis itu ada memukulnya sebanyak dua kali dan menyuruh dia mengaku di dalam "statementnya".

Pihak pendakwa tidak mengemukakan keterangan bagi menyangkal tuduhan tertuduh pertama yang dia telah dikeluarkan pada 4 Mei, 1989 dari lokap. Pendakwa boleh mengemukakan pendaftaran lokap untuk menyangkal tuduhan tertuduh pertama bahawa dia telah dikeluarkan dari lokap pada 4hb. dan disoal siasat oleh 2 orang anggota polis. Mengikutnya lagi anggota polis itu suruh dia "mengaku di dalam statement". Kalau dia mengaku polis akan menolongnya dan dia akan dibebaskan pada hari raya.

Pada 6hb. Mei, 1981, hari rakaman percakapan dibuat, tertuduh pertama telah dibawa ke balai polis Machang dan diserahkan kepada Insp. Razmi pada kira-kira jam 3.40 petang. Rakaman percakapan telah selesai pada jam 5.10 petang dan dia seterusnya diserahkan balik kepada anggota eskot, Konst. Dhanto. Tertuduh pertama kemudiannya telah dibawa balik ke balai polis Tanah Merah dan dimasukkan semula ke lokap pada kira-kira jam 6.30 petang.

Soalnya dari keadaan yang dinyatakan di atas adakah terdapat unsur penindasan atau penekanan (oppression) yang datang dari pihak berkuasa yang boleh menyebabkan kenyataan yang diberikan oleh tertuduh pertama itu dianggap sebagai diberikan tanpa kerelaannya. Saya tidak teragak-agak memutuskan bahawa apa yang berlaku di sini pada keseluruhannya terjumlah kepada satu penindasan atau

penekanan. Saya menganggap perbuatan tidak membenarkan tertuduh pertama memakai pakaian lain selain dari seluar dalam sahaja semasa di dalam lokap adalah merupakan satu penindasan atau penekanan yang tidak wajar berlaku. Selain dari itu masa rakaman percakapan itu dibuat juga adalah tidak sesuai memandangkan tertuduh pertama pada masa itu telah tidak makan dan minum selama lebih kurang 12 jam. Kenapa perlu dibuat rakaman di petang 6hb. Mei itu; tidakkah ia boleh dibuat pada waktu pagi bilamana tertuduh pertama berkemungkinan lebih cergas lagi. Adalah tidak memadai bagi pendakwa menyatakan, apa boleh buat itu adalah bulan puasa. Pihak yang merakamkan percakapan itu seharusnya mencari masa yang lebih sesuai bagi mengelak daripada dakwaan seperti ini. Adalah bukan tanggungjawab tertuduh untuk membuktikan terdapatnya penekanan atau penindasan (oppression). Beban bukti senantiasa terletak kepada pendakwa untuk memuaskan Mahkamah, tanpa sebarang keraguan yang munasabah, bahawa tidak berlakunya penindasan atau penekanan. Saya berpendapat pendakwa telah gagal membuktikan sedemikian.

Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas saya telah menolak ID23 daripada diterima sebagai keterangan.

Pembelaan

Berbalik kepada perbicaraan utama, tertuduh pertama di dalam pembelaannya menyatakan bahawa pada 2hb. Mei, 1989 lebih kurang jam 11.30 pagi dia telah keluar dari rumahnya dan pergi ke "culvert" yang terletak di tepi jalan tidak jauh dari rumahnya. Apabila sampai di situ dia lihat ada dua buah motosikal di seberang jalan dan empat orang lelaki. Tiga dari lelaki itu dikenalinya iaitu, Enu, Zuhairul dan Awi. Tidak lama kemudian Roni (tertuduh kedua) telah datang ke tempatnya dan duduk di atas "culvert" di sebelahnya. Tidak lama kemudian Enu dan seorang lagi yang tidak dikenali telah meninggalkan tempat itu dengan menaiki motosikal menuju ke Kg. Kiat. Tidak lama kemudian Zuhairul datang ke tempatnya dan mengajak dia pergi berjalan-jalan ke rumah sewa Zuhairul di Pekan Tanah Merah. Tertuduh pertama pula telah mengajak tertuduh kedua untuk ikut sama. Lalu tertuduh pertama pulang ke rumahnya untuk mendapatkan motosikalnya dan 2 biji topi keledar. Selepas itu mereka pun berlepas ke Tanah Merah dengan dua buah motosikal. Motosikal pertama dipandu oleh Zuhairul dan dibonceng oleh Awi. Tertuduh pertama menaiki motosikalnya dengan dibonceng oleh tertuduh kedua.

Di pertengahan jalan Zuhairul telah berhenti, dan kelihatan Awi telah turun. Zuhairul kemudiannya telah mengajak tertuduh pertama membonceng motornya dan tertuduh pertama bersetuju sebab motornya kurang "pick up". Apabila sampai di Tanah Merah, Zuhairul telah berhenti di depan sebuah rumah kayu dan seterusnya memberitahu tertuduh pertama bahawa itulah rumah sewanya dan menyuruh tertuduh pertama tunggu di situ sementara dia pergi mengambil kunci dari kawannya. Lebih kurang 1/2 jam kemudian Zuhairul telah balik dan mereka pun naik ke rumah itu. Zuhairul bertanya kepada tertuduh pertama samada dia puasa atau tidak dan tertuduh pertama menyatakan tidak, lalu Zuhairul keluar untuk membeli makanan. Tertuduh pertama dan tertuduh kedua tidak ikut sama. Apabila Zuhairul balik mereka makan. Selepas makan mereka duduk-duduk sambil mendengar kaset. Tidak lama selepas itu Zuhairul mengajak mereka berdua pergi ke rumah kawannya, yang katanya, terletak tidak jauh dari situ. Zuhairul kali ini menaiki motosikalnya seorang diri sahaja. Tertuduh kedua membonceng motosikalnya yang dipandu oleh tertuduh kedua.

Tidak lama kemudian tertuduh pertama nampak Zuhairul menuju ke satu deretan rumah teres dan berhenti di bawah sebatang pokok. Motosikal yang dinaiki oleh tertuduh pertama dan kedua ikut berhenti di belakang motosikal Zuhairul. Selepas itu mereka bertiga turun dari motosikal masing-masing. Pada masa itu, tertuduh pertama menyatakan, dia nampak Zuhairul membuka satu ikatan plastik di handel sebelah kiri motosikalnya sambil berkata kepada tertuduh pertama, "tunggu sebentar". Tertuduh pertama nampak Zuhairul membimbit beg itu (P5) dan menyangkutnya di pintu pagar rumah di sebelah kanan rumah Insp. Chan (SP2) dan selepas itu Zuhairul terus berjalan masuk ke dalam kawasan rumah SP2. Zuhairul telah kelihatan bercakap-cakap dengan seorang lelaki yang tidak dikenali (SP3) di dalam kawasan rumah SP2. Selepas itu Zuhairul telah melambai ke arah tertuduh pertama dan kedua. Mereka pun masuk ke dalam kawasan rumah SP2 dan semasa mereka masuk Zuhairul kelihatan berjalan ke arah pintu rumah itu dan terus

masuk ke dalam. SP3 kemudiannya telah menyuruh tertuduh kedua mengambil P5. Tertuduh kedua telah mengambil P5 dan memberikannya kepada SP3. SP3 telah mengambil P5 dan meletaknya di atas simen. Selepas itu SP3 telah pergi ke arah pintu pagar lalu menutup dan menyelaknya. Kemudian SP3 telah kembali ke tempat di mana P5 diletakkan dan, di dalam keadaan mencangkung, telah mengoyak P5. Sebaik sahaja dia mengoyak P5 dia terus berpusing ke arah tertuduh kedua dan memeluknya di bahagian pinggang. Pada masa yang sama beberapa orang lelaki telah keluar dari dalam rumah SP2 dan menangkap kedua-dua tertuduh.

Keterangan tertuduh pertama pada keseluruhannya disokong oleh tertuduh kedua.

Pembelaan kedua-dua tertuduh boleh diringkaskan seperti berikut -

(a) beg P5 bukan kepunyaan mereka, ia adalah kepunyaan Zuhairul;
(b) mereka tidak mengetahui apa yang ada di dalam P5;
(c) tertuduh pertama tidak pada bila-bila masa memegang P5 itu;
(d) tertuduh kedua hanya memegang dan memberi P5 kepada SP3 apabila diminta untuk mengambil P5 oleh SP3;
(e) mereka tidak pernah melihat P5 sebelum mereka sampai di depan rumah SP2;
(f) pertama kali mereka melihat P5 ialah semasa Zuhairul membuka ikatan P5 yang tersangkut di handel motosikalnya dan seterusnya Zuhairul membimbit dan menyangkut P5 di pintu pagar rumah di sebelah kanan rumah SP2;
(g) mereka pergi ke rumah SP2 kerana Zuhairul mengajak mereka ke situ yang Zuhairul kata adalah rumah kawannya dan bukan untuk mengedar dadah.

Wujudnya Zuhairul tidak dipertikaikan oleh pihak pendakwa. Apa yang dipertikaikan ialah tentang peranan Zuhairul. Pendakwa mengatakan Zuhairul adalah seorang pemberi maklumat, manakala pembela pula mengatakan bahawa Zuhairullah yang mengatur segala-gala yang berlaku pada petang itu dan kedua-dua tertuduh telah dipermainkan oleh Zuhairul. Dari keterangan pembelaan persoalan-persoalan berikut boleh ditimbulkan.

(a) Kenapa tertuduh pertama dan tertuduh kedua pergi ke Tanah Merah pada hari itu yang agak jauh dari tempat mereka tinggal. Tidak mungkin mereka pergi berjalan-jalan sahaja ke rumah Zuhairul.
(b) Jika benar mereka berjalan-jalan ke rumah Zuhairul kenapa mereka perlu mengikut Zuhairul pergi ke rumah "kawannya" di Taman Tanah Merah.
(c) Kenapa Zuhairul hendak menganiaya mereka sedangkan tertuduh pertama sendiri memberitahu Mahkamah bahawa dia berkawan rapat dengan Zuhairul dan mengenalinya sejak dari bangku sekolah lagi.
(d) Kenapa SP2, SP3, SP5, SP6 dan SP7 sanggup berbohong kepada Mahkamah bagi mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan satu kesalahan yang sebegini serius sedangkan mereka tidak pernah mengenali kedua-dua tertuduh.

Memandangkan kepada persoalan-persoalan yang dinyatakan di atas saya mendapati susah bagi Mahkamah untuk menerima keterangan kedua-dua tertuduh sebagai sesuatu yang benar. Saya tidak nampak sebarang sebab bagi Mahkamah meragui keterangan pendakwa bahawa tertuduh pertamalah yang menyangkut P5 dipintu pagar rumah di sebelah rumah SP2 dan kemudiannya, tertuduh kedua telah mengambil P5 dan menyerahkannya kepada SP3. Walaupun SP3 mengatakan dia tidak melihat tertuduh pertama menyangkut P5 tetapi saksi pendakwa yang lain, tanpa sebarang keraguan, menyatakan mereka telah melihat tertuduh pertama berbuat demikian. Tidak ada sebab untuk Mahkamah menolak keterangan mereka itu.

Selain dari itu, walaupun kedua-dua tertuduh mengatakan P5 telah disangkut oleh Zuhairul, tetapi perkara ini tidak pernah dibangkitkan oleh pihak pembela semasa menyoal balas saksi-saksi pendakwa, ia hanyalah dibangkitkan buat pertama kali semasa tertuduh pertama memberi keterangannya. Sebagaimana kata Raja Azlan Shah H.B.. (Malaya) (pada masa itu) di dalam kes *Wong Swee Chin lwn. PP* [1981] 1 MLJ 212 di m.s. 213 -

> A correct statement of the law is that failure of the defence to cross-examine the prosecution witnesses on the matter merely goes to the credibility of their testimony ... On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony.

Berdasarkan alasan-alasan di atas saya berpendapat keterangan pendakwa bahawa P5 telah disangkut oleh tertuduh pertama di pintu pagar tidak tergugat langsung.

Sebelum saya seterusnya memutuskan samada kedua-dua tertuduh telah berjaya menyangkal anggapan-anggapan statutori di bawah Akta dan/atau menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa saya fikir adalah wajar bagi saya membuat keputusan tentang satu lagi isu yang dibangkitkan oleh peguambela tertuduh pertama iaitu wujudnya kesenjangan di dalam rangkalan keterangan berhubung dengan penjagaan barang kes. Beliau menghujahkan bahawa tidak ada keterangan yang dikemukakan oleh pendakwa berhubung dengan penimbangan barang kes yang dibuat oleh pihak polis. Pendakwa di dalam hujah balas menyatakan tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa barang kes telah ditimbang oleh pihak polis kecuali satu keterangan dengar cakap SP1 yang menyatakan bahawa dia difahamkan oleh Insp. Yazid (SP10) bahawa berat kasar barang kes ialah 431 gram. Saya bersetuju bahawa tidak ada keterangan secara langsung tentang timbangan yang dibuat oleh pihak polis, tetapi di dalam kertas pertuduhan berhubung kes tangkap SKB(A) 61-11-89 di mana kedua-dua tertuduh buat pertama kali dituduh, di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, ada dinyatakan berat ganja lebih kurang 431 gram. Pada pendapat saya kertas pertuduhan itu merupakan sebahagian daripada rekod Mahkamah berkaitan dengan kes ini, dengan itu saya tidak boleh mengenepikannya. Oleh itu, pendakwa tidak boleh menafikan bahawa barang kes telah pernah ditimbang oleh pihak polis. Kedua-dua tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, Kota Bharu pada 16 Mei, 1989. Manakala barang kes telah dibungkus pada 10 Mei, 1989 untuk dihantar ke Jabatan Kimia. Bila dan oleh siapa barang kes itu telah ditimbang tidak dijelaskan langsung oleh pendakwa. Barang kes telah diserahkan kepada ahli kimia pada 18 Mei, 1989. Ahli kimia di dalam keterangannya menyatakan bahawa berat kasar 10 ikatan bahan tumbuhan kering itu ialah 430.9 gram. Berat kasar itu termasuk tali rafia yang mengikat tiap-tiap ikatan, tali gentian yang mengikat cucuk-cucuk itu dan juga bilah buluh bagi setiap cucuk daun-daun kering itu.

Jika apa yang dinyatakan di dalam kertas pertuduhan di Mahkamah Sesyen itu adalah berat kasar daun-daun kering itu maka timbangannya adalah tidak banyak berbeza dari berat kasar yang diberikan oleh pihak Jabatan Kimia. Dalam keterangan mereka SP2 dan SP10 tidak menyatakan bahawa daun-daun kering itu telah dipisahkan dari cucuk-cucuknya semasa ianya di dalam jagaan mereka. Oleh itu bolehlah diandaikan bahawa berat yang terdapat di dalam kertas pertuduhan dikemukakan di Mahkamah Sesyen adalah merupakan berat kasar termasuk tali dan bilah buluh. Tetapi ini adalah cuma satu andaian sahaja kerana tiada keterangan langsung berhubung perkara ini. Tidak ada keterangan yang diberikan oleh pihak pendakwa tentang cara bagaimana timbangan dibuat. Jadi timbul persoalan tentang berat "cannabis" seperti yang dinyatakan di dalam pertuduhan di Mahkamah Sesyen: adakah ia berat kasar atau berat bersih. Persoalan sebegini biasanya tidak menjejaskan kes pendakwa apabila ianya dijelaskan kepada Mahkamah. Di sini tidak ada penjelasan yang diberikan. Mahkamah dibiarkan di dalam keadaan meneka-neka. Selain dari itu timbul persoalan: siapakah yang menimbang barang kes dan siapakah yang menjaga barang kes pada masa itu, mungkin orang yang lain daripada SP2 atau SP10. Di dalam keterangan SP2 dan SP10, kedua-duanya langsung tidak menyatakan bahawa mereka pernah membuat penimbangan ke atas barang kes atau menyerahkan barang kes kepada sesiapa untuk tujuan itu. Berdasarkan kepada keterangan SP2 dan SP10 salah satu andaian yang boleh dibuat ialah barang kes itu telah ditimbang oleh orang ketiga. Orang itu tidak dipanggil untuk memberi keterangan oleh pihak pendakwa. Pada pendapat saya kegagalan pendakwa berbuat demikian telah menimbulkan kesenjangan yang serius di dalam rangkaian keterangan berhubung dengan identiti barang kes yang parah kepada kes pendakwa. (Sila lihat kes-kes: *Teoh Hoe Chye lwn. PP* [1987] 1 MLJ 220; *Mohd Osman bin Pawan lwn. PP* [1989] 2 MLJ 110 dan *Shamsuddin bin Hassan & Anor lwn. PP* [1991] 3 CLJ 2414.)

Pihak pendakwa menghujahkan bahawa di peringkat ini Mahkamah tidak boleh menerima hujah pembela yang sepatutnya dibangkitkan di akhir kes pendakwaan. Saya tidak nampak sebarang merit di dalam hujah itu. Apa yang pernah dikatakan oleh Y.A. Gunn Chit Tuan HMA (pada masa itu) di dalam kes

Yeong Kia Heng lwn. Pendakwa Raya [1992] 1 CLJ 364 di m.s. 366 adalah amat relevan iaitu -

> Beban membukti adalah berat dan beban membukti yang dipertanggungkan kepada pendakwa adalah berat. Tidak ada beban yang dipertanggungkan kepada seseorang yang dituduh untuk membuktikan ia tidak bersalah. Di dalam perbicaraan jenayah seseorang yang dituduh dibenarkan mengambil apa juga peluang untuk menonjolkan kecacatan pendakwa... Adalah tidak benar bagi pihak responden dalam rayuan ini mengatakan bahawa oleh sebab kecacatan keterangan identiti barang kes tidak dibangkitkan dalam penghujahan di Mahkamah Tinggi dan oleh itu tidak boleh dibangkitkan dalam rayuan ini. Di dalam prosiding jenayah di masa perbicaraan atau di masa rayuan seseorang yang tertuduh boleh membangkitkan soal dasar iaitu samada pihak pendakwa telah membuktikan kes dengan sepenuhnya mengikut kehendak undang-undang iaitu membuktikan kes sehingga tidak membangkitkan kesangsian yang munasabah.

Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, saya memutuskan bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan kesnya melampaui sebarang keraguan yang munasabah. Dengan itu adalah tidak perlu bagi Mahkamah menimbang soal samada kedua-dua tertuduh telah berjaya menyangkal anggapan-anggapan statutori di bawah sekesyen 37(d) dan (da)(vi) Akta atau tidak. Kedua-dua tertuduh dibebas dan dilepaskan.

ZALANI BONGSU BIN DATO' HJ. OTHMAN

lwn.

BAHROM BIN DATO' OTHMAN DAN ZAITOON BTE DATO' OTHMAN & 2 LAGI (PENCELAH)

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
PUAN RAHMAH BT HUSSAIN PK
[GUAMAN SIVIL NO. S7-22-329-1989]
15 MEI 1993

AMANAH: Hukum Syarak - Pertikaian samada hartanah harta pesaka - Pertikaian pembahagian - Wasiat - Samada wujudnya amanah atau amanah rahsia - Samada pembahagian secara faraid terpakai - Hukum syarak - Larangan mewasiatkan lebih 1/3 harta - Kesan mewasiatkan sedemikian.

Kesemua pihak merupakan adik beradik dan mempertikaikan berkenaan satu hartanah yang telah dipindah milik oleh ayah mereka (simati) kepada defendan pada tahun 1969. Defendan dan pencelah pertama pula telah menandatangani satu perjanjian pada 1979 berkenaan hartanah tersebut untuk memastikan perlindungan hak benefisiari simati. Hartanah tersebut yang telah dicagarkan kesebuah bank telah dijual oleh defendan dan baki hasil jualan kini dipegang oleh syarikat guaman di atas persetujuan semua pihak. Simati ada menulis surat kepada seorang anaknya yang menyatakan hasratnya membuat satu wasiat dimana hartanya dibahagikan menurut hukum syarak tetapi wasiat yang dibuatnya berlainan dengan menyatakan hartanya dibahagikan sama rata.

Plaintif menegaskan hasil jualan itu satu harta amanah simati dan memohon kebenaran bagi mengeluarkan hasil jualan tersebut menurut satu sijil faraid yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Pihak pencelah memohon hasil berkenaan tidak ditentukan secara faraid tetapi menurut wasiat simati yang memunjukkan hasrat membahagikan harta sama rata.

Diputuskan:

[1] Surat simati hanyalah menyatakan hasratnya tetapi tidak mencerminkan tujuan yang jelas untuk membentuk satu amanah rasmi menurut undang-undang.

[2] Menurut hukum syarak wasiat tersebut adalah tidak sah kerana simati adalah seorang Islam dan beliau telah mewasiatkan lebih